

WASSB guna AW189 untuk jayakan kontrak eksplorasi minyak dan gas JX Nippon

KUALALUMPUR: Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WASSB) akan menggunakan helikopter Agusta Westland AW189 untuk melaksanakan perkhidmatan kontrak bernilai RM10 juta untuk JX Nippon Oil & Gas Exploration Sdn Bhd.

Helikopter canggih pertamanya itu akan terbang dari Lapangan Terbang Miri untuk mengangkut pekerja dan barangan luar pesisir bagi program penggerudian ek-

splorasi laut dalam JX Nippon yang terletak 210 batu nautika di luar pantai Sarawak di Laut China Selatan.

Kontrak itu untuk tempoh tiga bulan, dengan opsyen lanjutan diputuskan pada Oktober, kata penyedia perkhidmatan pengangkutan helikopter luar pesisir serantau itu dalam satu kenyataan semalam.

Pengarah Pembangunan Perniagaan WASSB Datuk Anuar Noordin berkata penggunaan helikopter AW189

merupakan pengenalan yang tepat pada masanya, selari dengan kehendak industri semasa.

Beliau berkata pelanggan kini mempunyai pilihan untuk menjalankan operasi yang lebih berkesan dari segi kos iaitu kos penumpang yang secara perbandingannya lebih rendah.

"Inilah pesawat pertama daripada empat AW189 yang kami tempah," katanya. — Bernama